

Tumpuan utama saya perkuatkan UMNO — Megat

1 MAY 2002

SUBANG 20 Mei
— Ketua Penerangan UMNO yang baru, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, tumpuan utamanya ketika ini ialah untuk memperkuatkan lagi UMNO sebelum memikirkan soal lain yang melibatkan parti pembangkang.

Tegasnya, dalam menjayakan misi itu, beliau akan menemui semua ketua penerangan 165 bahagian

UMNO di seluruh negara dalam masa terdekat ini bagi mendapatkan maklumat mengenai kelemahan di bahagian masing-masing.

Hanya selepas itu, barulah beliau akan memikirkan kemungkinan mewujudkan badan pemikir antara biro-biro penerangan bahagian, penerangan khas dan agama.

“Ini kerana saya melihat yang paling penting kita kena betulkan (dahulu) rumah tangga UMNO, jangan kisahkan sangat tentang parti lawan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berlepas ke Jepun untuk lawatan kerja, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Beliau menambah: “Cuba kita lihat di Sik, Kedah misalnya, ahli UMNO ada 18,000 orang, macam mana Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman hanya dapat 12,000 undi (pada pilihan raya umum 1999).

“Saya bertanding di Parit, Perak, ahli UMNO ada 16,000 orang, macam mana saya hanya dapat 10,000 undi. Inilah yang menjadi tandanya, sebab itu kita kena kukuhkan UMNO itu sendiri.”

Menurut Megat Junid, berbanding pada pilihan raya umum lalu, imej UMNO sekarang kelihatan lebih tinggi.

Ini kerana peranan yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir sendiri terutama dalam menerapkan polisi negara yang memberi manfaat kepada rakyat.

“Ini menampakkan satu kejayaan terutama jika UMNO sendiri tidak berpecah. Dengan ini juga saya yakin Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya umum akan datang,” katanya.

Pelantikan Megat Junid sebagai Ketua Penerangan UMNO diumumkan oleh Dr. Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti baru-baru, selepas mengambil kira pengalaman luasnya dalam perjuangan parti.

Beliau menggantikan Datuk Mustapa Mohamed yang melepaskan jawatan bulan lalu kerana mahu menumpukan sepenuh perhatian